




**1. PENGUASA BOMBA DAN PENYELAMAT  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
P.8 (\$2,075 - \$2,845 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = 2**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang besesuaian. Kelulusan dalam salah satu bidang berikut adalah satu kelebihan.
  - *Civil Engineering*
  - *Communications and Computer System Engineering*
  - *Computing*
  - *Constructions Engineering and Management*
  - *Electrical and Electronic Engineering*
  - *Forensic Science*
  - *Information Technology*
  - *Mechanical Engineering*
  - *Automotive Engineering*
  - *Refrigeration and Air-Conditioning Engineering*
  - *Computer Studies*
  - *Marine Engineering*
  - *Geomatics*
  - *Interior Design*
  - *Electronic & Communication Engineering*

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan sebagai Penolong Penguasa Bomba dan Penyelamat dalam tanggagaji P.7 tidak kurang dari 3 tahun dan lulus ujian ketahanan fizikal serta ujian-ujian yang ditetapkan oleh Jabatan dari semasa ke semasa.
- c) Keahlian *Membership of Institution of Fire Engineers (MIFireE)* dan *Graduateship of Institution of Fire Engineers (GIFireE)* adalah kelebihan.



2. Pemohon-pemohon di para 1(a) hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:-
- a) Umur - Diantara 18 tahun hingga 35 tahun (Lelaki / Wanita)
  - b) Tinggi dan berat badan
    - Bagi lelaki : Sekurang-kurang **5'4" (1.63m)** / tidak melebihi 60 kg.
    - Bagi wanita : Sekurang-kurangnya **5' (1.52m)** / tidak melebihi 55 kg.
  - c) Dada - Bagi lelaki : Sekurang-kurangnya **34" (86cm)** apabila tidak ditarik nafas (biasa).
  - d) Bagi pemohon wanita hendaklah **bujang semasa memohon dan sepanjang tempoh menjalani Kursus Asas Kebombaan**.
  - e) Tiada masalah pendengaran.
  - f) Tidak buta warna (*colour blind*).
  - g) Calon hendaklah mempunyai badan yang sihat dan lulus pemeriksaan yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan yang dibenarkan berpandukan Garispandu Kesihatan Bagi Ahli Bomba (*Medical Guideline For Firefighter*).

## UJIAN

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mengikuti Ujian Kecergasan, Bertulis dan Praktikal serta ujian-ujian yang ditetapkan oleh Jabatan ini dari semasa ke semasa. Mereka yang gagal dalam ujian tersebut tidak akan disokong.

## TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGUASA BOMBA DAN PENYELAMAT:

- 1. Melaksanakan dasar Jabatan selaras dengan Akta Bomba dan Penyelamat (Pindaan 2002) Penggal 82 dari semasa ke semasa.
- 2. Jika ditugaskan di Bahagian Operasi berperanan selaku Timbalan Pemerintah yang bertanggungjawab ke atas beberapa perkara seperti berikut:
  - a. Membantu Pegawai Pemerintah ke atas Pentadbiran Operasi memadam kebakaran dan menyelamat di kawasan masing-masing, pengurusan keanggotaan, latihan-latihan, perhubungan awam dan aset Kerajaan.



- b. Bertanggungjawab ke atas kecemasan dan kesejahteraan awam mengikut kawasan bawah jagaannya.
  - c. Membantu Pegawai Pemerintah mentadbir balai-balai di bawah jagaannya serta perjalanan aset Kerajaan ke arah yang lebih berkesan dan teratur di dalam melaksanakan tugas-tugas yang bersangkutan dengan kecemasan.
  - d. Memastikan keanggotaan di bawah jagaannya mempunyai tahap tatatertib yang tinggi serta kecekapan dalam bidang operasi dan menyelamat yang lebih berkesan.
  - e. Membantu dalam menyediakan *Standard Operational Procedure* (S.O.P) bagi operasi kecemasan di dalam kawasan masing-masing.
  - f. Mengetuai sebarang operasi kecemasan dan menyelamat sebelum kehadiran Pegawai Pemerintah.
  - g. Memastikan kebijakan dan keselamatan anggota operasi sentiasa di tahap yang tinggi.
  - h. Mencadangkan dan memastikan latihan-latihan operasi bagi keanggotaan dijalankan di Balai dan juga di kawasan Zon Operasi bawah jagaan.
  - i. Mengetahui zon kawasan operasi (*Station Ground*), membantu dalam menyediakan serta memastikan plan tindakan *Standard Operational Procedure* (SOP) sentiasa relevan dan berkesan.
  - j. Mengetahui dan melaksanakan pemeriksaan bangunan yang di bawah jagaan khususnya bangunan yang berisiko tinggi bagi persediaan operasi.
  - k. Mengetuai dan bertanggungjawab di tempat-tempat kejadian kebakaran dan kecemasan sebelum kehadiran pegawai atasan.
3. Jika ditugaskan di Bahagian Pentadbiran berperanan selaku Ketua Bahagian yang bertanggungjawab ke atas beberapa perkara seperti berikut:-
- i. Mentadbir perjalanan tugas yang telah dimandatkan ke arah yang lebih efisien dan produktif.
  - ii. Memastikan keanggotaan di bawah jagaannya mempunyai tahap tatatertib yang tinggi serta kecekapan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah ditetapkan.



- iii. Menentukan jenis latihan dan memastikan anggota di bawah jagaannya menjalani latihan-latihan yang dikehendaki.
- 4. Bertanggungjawab di dalam menyediakan kertas kerja dan laporan segala projek serta aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan disepanjang tahun.
- 5. Merangka perkembangan projek serta aktiviti mengikut kapasiti bidang kuasa yang telah dimandatkan.
- 6. Menyediakan perangkaan peruntukan di bawah Cawangan / Bahagian masing-masing.
- 7. Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Pengarah Bomba dan Penyelamat dari semasa ke semasa.